



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (77)

SIARAN MEDIA

HARI BELANGKAS SEDUNIA 2026: PENDARATAN BELANGKAS MENINGKAT 14.44 PERATUS DALAM TIGA TAHUN, MALAYSIA PERKUKUH USAHA PEMULIHARAAN SPESIES BERNILAI TINGGI

PUTRAJAYA, 20 JUN 2026 – Sempena sambutan Hari Belangkas Sedunia 2026, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menegaskan komitmen berterusan dalam memperkukuh usaha pemuliharaan belangkas, spesies marin purba yang bukan sahaja penting kepada keseimbangan ekosistem pesisir, malah mempunyai nilai ekonomi dan saintifik yang tinggi kepada negara.

Berdasarkan data perangkaan pendaratan rasmi Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), jumlah pendaratan belangkas negara menunjukkan trend peningkatan yang konsisten bagi tempoh 2023 hingga 2025, iaitu daripada 232.80 tan metrik pada tahun 2023 kepada 237.65 tan metrik pada tahun 2024, sebelum meningkat kepada 266.42 tan metrik pada tahun 2025. Secara keseluruhan, jumlah ini mencerminkan pertumbuhan sebanyak 14.44 peratus dalam tempoh tiga tahun.

Selari dengan peningkatan pendaratan, nilai borong keseluruhan pasaran belangkas turut merekodkan pertumbuhan positif sebanyak 9.32 peratus, meningkat daripada RM2.45 juta pada tahun 2023 kepada RM2.68 juta pada tahun 2025. Walaupun sumbangan belangkas kepada keseluruhan sektor perikanan tangkapan negara adalah kecil, iaitu sekitar 0.019 peratus daripada jumlah pendaratan, komoditi ini mempunyai nilai premium yang signifikan dan berpotensi menjana pendapatan tambahan kepada komuniti nelayan pesisir.


Menurut Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Dato' Adnan bin Hussain, belangkas merupakan khazanah biodiversiti marin negara yang mempunyai nilai strategik tinggi, bukan sahaja kepada ekosistem pesisir malah dalam bidang biosains dan bioperubatan.

"Peningkatan pendaratan belangkas yang direkodkan menunjukkan ekosistem pesisir negara masih berupaya menyokong kelangsungan spesies ini. Namun, tekanan terhadap habitat semula jadi akibat pembangunan, pencemaran dan eksploitasi berlebihan menuntut tindakan pemuliharaan yang lebih bersepadu dan berterusan," katanya.

Belangkas, yang sering digelar sebagai "fosil hidup", merupakan spesies purba yang telah mendiami bumi sejak lebih 400 juta tahun. Keunikan utama spesies ini terletak pada darahnya yang berwarna biru, yang mengandungi komponen *Amebocyte Lysate*, iaitu bahan kritikal dalam ujian keselamatan vaksin dan ubat-ubatan bagi mengesan pencemaran bakteria.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Malaysia juga amat bertuah kerana menjadi habitat kepada tiga daripada empat spesies belangkas dunia, iaitu *Carcinoscorpius rotundicauda*, *Tachypleus gigas* dan *Tachypleus tridentatus*, sekali gus memperkukuh kedudukan negara sebagai antara lokasi penting dalam pemuliharaan biodiversiti marin serantau.

Walaupun data pendaratan menunjukkan perkembangan positif, populasi belangkas masih berdepan pelbagai ancaman termasuk kemusnahan habitat akibat pembangunan pesisir, pencemaran sisa plastik serta aktiviti pengambilan telur secara tidak terkawal.

Sehubungan itu, Jabatan Perikanan Malaysia akan terus memperkukuh usaha pemuliharaan melalui penguatkuasaan, penyelidikan saintifik berimpak tinggi, program pelepasan juvenil serta pewartaan kawasan pembiakan sebagai zon perlindungan bagi memastikan kelestarian spesies ini terus terpelihara.

Sempena Hari Belangkas Sedunia 2026, Jabatan Perikanan Malaysia menyeru seluruh masyarakat untuk bersama-sama memelihara ekosistem pesisir dan hutan bakau negara. Usaha melindungi belangkas bukan sahaja penting dalam mengekalkan keseimbangan biodiversiti marin, malah mencerminkan komitmen negara terhadap pemuliharaan sumber semula jadi yang bernilai tinggi untuk generasi akan datang.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my